



## SOALAN LAZIM

### PELAKSANAAN INTERVENSI KURIKULUM BAGI MENANGANI ISU KECICIRAN PEMBELAJARAN

#### BAHAGIAN A: DOKUMEN PENJAJARAN KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (SEMAKAN 2017) EDISI 3

1. **Apakah Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3?**

Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 merujuk kepada dokumen mata pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Tahap I sekolah rendah yang dikemas kini dan disusun semula kandungannya.

2. **Mengapakah Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 dihasilkan?**

Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 dihasilkan untuk menangani isu kandungan yang dikatakan tinggi dan padat serta keciciran pembelajaran dalam kalangan murid Tahap I untuk mata pelajaran Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

3. **Bagaimanakah pengemaskinian Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 dilaksanakan?**

Dokumen Penjajaran Kurikulum ini dikemas kini dengan menggabungkan beberapa Standard Pembelajaran (SP) dan Standard Kandungan (SK), serta menggunakan istilah yang lebih mudah difahami pada SP. Kandungan kurikulum disusun dalam tiga lajur utama iaitu SK, SP dan catatan. Catatan ini disediakan sebagai panduan kepada guru bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang menekankan penguasaan konsep asas dan menggalakkan kemahiran berfikir. Kaedah pembelajaran berasaskan projek juga dicadangkan dalam ruang catatan untuk membantu murid mempelajari topik-topik tertentu.

4. **Adakah Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 disediakan untuk semua mata pelajaran di sekolah rendah?**

Buat masa ini, Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 disediakan untuk mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Tahap I sahaja.

5. **Apakah perbezaan di antara Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 dengan Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 2?**

Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 2 merujuk kepada dokumen kurikulum yang disusun semula dari aspek kandungan, pedagogi dan pentaksiran berdasarkan hasil pembelajaran yang dihasratkan bagi memenuhi keperluan khusus mata pelajaran sewaktu pandemik COVID-19. Dokumen ini disediakan untuk semua mata pelajaran sekolah rendah dan sekolah menengah. Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 pula merujuk kepada dokumen mata pelajaran Sains dan Matematik Tahap I sekolah rendah yang dikemas kini dan disusun semula kandungan kurikulumnya.

6. **Adakah semua guru mesti menggunakan Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3?**

Tidak. Guru boleh memilih untuk menggunakan Dokumen Kurikulum Pentaksiran (DSKP) KSSR (Semakan 2017) yang sedia ada atau Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3.

7. **Bolehkah guru menggunakan Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 dengan Modul Bimbingan (MOBIM)?**

Ya. Guru juga boleh menggunakan Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 dengan MOBIM dan/atau bahan sokongan lain yang bersesuaian.

8. **Adakah guru masih boleh menggunakan buku teks sekiranya menggunakan Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3?**

Ya.

9. **Adakah guru wajib menggunakan buku teks sepenuhnya dalam pelaksanaan PdP?**

Buku teks yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan wajib digunakan sepenuhnya di semua sekolah kerajaan berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/1999. Walau bagaimanapun, guru mempunyai kebebasan untuk menyesuaikan dan memilih bahan pengajaran selaras dengan kurikulum yang ditetapkan dan hasil pembelajaran yang diharapkan.

10. **Adakah guru perlu melaksanakan semua cadangan aktiviti di dalam buku teks?**

Guru tidak perlu melaksanakan semua cadangan aktiviti yang terdapat dalam buku teks. Aktiviti dan latihan yang disediakan adalah sebagai panduan. Guru mempunyai kebebasan untuk memilih, mengubah suai atau melaksanakan aktiviti yang paling sesuai dengan konteks pengajaran mereka.

11. **Adakah soalan latihan di dalam buku teks yang dicadangkan perlu dilaksanakan sepenuhnya?**

Soalan latihan di dalam buku teks yang dicadangkan tidak perlu dilaksanakan sepenuhnya. Guru mempunyai kebebasan untuk memilih, menyesuaikan atau menggantikan soalan latihan mengikut keperluan dan konteks pengajaran mereka dengan kumpulan sasar.

12. **Bagaimanakah guru boleh menggunakan autonomi dalam penggunaan buku teks?**

Guru boleh menggunakan autonomi dalam penggunaan buku teks dengan pelbagai cara untuk memastikan bahawa pengajaran mereka lebih sesuai dan berkesan dengan keperluan murid dan konteks bilik darjah. Antara pendekatan yang boleh diambil oleh guru:

- a. Menilai tahap pemahaman dan kemahiran murid sebelum memilih bahan dalam buku teks. Ini membantu guru menentukan soalan atau aktiviti yang sesuai.
- b. Memilih aktiviti dalam buku teks yang paling relevan dengan topik yang diajar sesuai dengan objektif pembelajaran.
- c. Menggunakan bahan tambahan seperti artikel, video, atau laman sesawang yang bersesuaian untuk melengkapkan dan memperkaya kandungan buku teks.
- d. Melaksanakan pendekatan pengajaran yang berbeza seperti pembelajaran berasaskan projek, perbincangan kumpulan, atau aktiviti *hands-on*.

Autonomi dalam penggunaan buku teks membolehkan guru mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih sesuai, relevan dan berkesan. Ini memberi peluang kepada guru untuk menggunakan kreativiti dalam menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan murid bagi mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik.

**13. Bagaimana guru boleh mengubah suai kandungan buku teks?**

Guru boleh mengubah suai kandungan dalam buku teks melalui kaedah adaptasi, iaitu tambah, ganti, susun semula, peluasan dan gugur. Bahan kandungan yang diubah suai perlu selaras dengan gaya belajar, tahap pencapaian, pengalaman dan aras keupayaan murid, latar belakang serta persekitaran kumpulan murid tersebut. Guru hendaklah memastikan pengubahsuaian terhadap kandungan buku teks memenuhi keperluan kurikulum yang ditetapkan dan mencapai hasil pembelajaran.

**14. Adakah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berubah sekiranya guru menggunakan Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3?**

Tidak. Kaedah PBD kekal sebagaimana dalam Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Edisi 2.

**15. Adakah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) masih dikekalkan dalam Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3?**

Ya. Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 masih menerapkan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah tetapi dengan

menggunakan istilah yang lebih mudah difahami.

16. **Bilakah Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 boleh digunakan?**

Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) Edisi 3 boleh digunakan mulai Sesi Akademik 2024/2025 (Rujuk tarikh surat siaran).

17. **Bagaimana guru boleh menyelesaikan kandungan yang telah ditetapkan dalam kurikulum?**

Guru mempunyai autonomi untuk menentukan keseluruhan kandungan kurikulum mengikut kesesuaian keupayaan murid. Namun begitu, sekiranya kandungan kurikulum tersebut tidak dapat diselesaikan pada tahun semasa guru perlu melaksanakan penyelarasan bersama-sama guru lain yang akan mengajar murid tersebut bagi tahun berikutnya. Penyelarasan kandungan kurikulum ini memerlukan kerjasama jitu daripada semua guru yang terlibat dengan seliaan sepenuhnya oleh pentadbir. Ini kerana kesediaan murid dengan rakan sebaya perlu diambil kira untuk memastikan tiada isu keciciran pembelajaran berlaku. Semua murid berhak menerima pembelajaran yang setara dengan rakan sebaya tanpa mengambil kira tahap penguasaan mereka.

18. **Bagaimana DPK membantu guru dalam menangani istilah yang sukar?**

Intervensi Dokumen Penjajaran Kurikulum Edisi 3 telah menyusun semula penggunaan istilah yang dikatakan sukar bagi murid. Guru bebas menggunakan istilah yang lebih mudah dan bertepatan dengan maksud asal untuk memastikan kefahaman murid terhadap kandungan kurikulum yang hendak disampaikan.

19. **Bagaimana KPM menangani isu topik sukar yang telah timbulkan dalam kalangan guru?**

Bagi topik yang sukar, guru boleh menyesuaikan kandungan kurikulum dan menyusun semula pemeringkatan pembelajaran bagi topik tersebut mengikut keupayaan murid. Guru boleh menggunakan cadangan aktiviti PdP dalam MOBIM untuk menyediakan perancangan PdP mengikut kesesuaian latar belakang, persekitaran dan tahap penguasaan murid. Guru perlu memastikan murid dapat menguasai kemahiran paling minimum bagi tajuk-tajuk sukar ini supaya tiada keciciran pembelajaran berlaku.

20. **Adakah guru mempunyai autonomi dalam melaksanakan PdP?**

Ya. Guru mempunyai autonomi merancang dan menyusun kandungan kurikulum dengan mengambil kira latar belakang murid, persekitaran dan sumber yang ada bagi mengoptimumkan keberhasilan pembelajaran murid.

Autonomi guru merujuk kepada hak dan tanggungjawab untuk menentukan pelaksanaan kurikulum. Guru diberikan kebebasan untuk melaksanakan kurikulum serta proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah, dengan merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) atau Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3. Autonomi ini merujuk kepada perkara berikut:

Kandungan Kurikulum:

Guru boleh merancang dan menyusun kandungan kurikulum dengan mengambil kira latar belakang murid, persekitaran dan sumber yang ada bagi mengoptimumkan keberhasilan pembelajaran murid. Ini termasuk guru boleh merungkai kandungan kurikulum bagi memenuhi keperluan dan keupayaan murid.

Pedagogi:

Guru bebas memilih pendekatan, strategi dan bahan sumber PdP yang pelbagai serta sesuai dengan minat, bakat, gaya pembelajaran dan potensi murid.

Pentaksiran:

Guru diberikan kebebasan untuk merancang dan melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) menggunakan instrumen yang bersesuaian mengikut keupayaan dengan keperluan murid dan bertanggungjawab melapor hasil pentaksiran.

## **BAHAGIAN B: PENGESANAN LITERASI DAN NUMERASI MURID TAHUN 1**

21. **Bilakah pengesanan awal literasi dan numerasi murid Tahun 1 dilaksanakan?**

Selepas tiga (3) bulan murid mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Tahun 1.

22. **Kenapakah pengesanan awal literasi dan numerasi murid Tahun 1 perlu dilaksanakan?**

Untuk mengenal pasti murid yang belum menguasai literasi dan numerasi supaya intervensi awal yang sesuai dapat dilaksanakan.

23. **Siapakah yang melaksanakan pengesanan ini kepada murid?**

Guru mata pelajaran Tahun 1.

24. **Bagaimanakah pengesanan dilaksanakan?**

Melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD).

25. **Apakah kriteria dalam menentukan murid belum menguasai membaca, menulis dan mengira (3M)?**

Murid yang belum mencapai TP1 bagi mata Pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik.

26. **Bagaimanakah intervensi dilaksanakan?**

Murid diberi bimbingan secara berfokus di bilik yang berasingan.

27. **Siapakah yang melaksanakan Program Intervensi Tahun 1?**

Guru mata pelajaran Tahun 1/guru sekolah rendah yang ditentukan oleh guru besar.

28. **Berapa lamakah tempoh pelaksanaan program intervensi selepas pengesanan awal?**

Tiga (3) bulan.

29. **Bagaimanakah sekiranya murid masih belum menguasai literasi dan numerasi setelah tiga (3) bulan mengikuti Program Intervensi Tahun 1?**

Murid kekal berada di Program Intervensi Tahun 1 untuk tempoh tiga (3) bulan selanjutnya.

30. **Apakah peranan guru pemulihan dalam Program Intervensi Tahun 1?**

Sebagai pembimbing kepada guru yang melaksanakan Program Intervensi Tahun 1.



31. **Adakah guru yang terlibat dengan Program Intervensi Tahun 1 perlu menyediakan RPH?**

Ya. Seperti arahan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran.

32. **Dalam tempoh tiga bulan intervensi, adakah murid hanya akan belajar membaca, menulis, dan mengira sahaja?**

Ya.

33. **Bagaimana sekiranya ibu bapa/penjaga tidak membenarkan anak mereka mengikuti Program Intervensi Tahun 1?**

Murid akan kekal di kelas biasa, walau bagaimana pun pihak sekolah perlu memberi penerangan berkaitan kepentingan murid mengikuti program tersebut.

34. **Adakah murid yang mengikuti Program Intervensi Tahun 1 perlu ditaksir?**

Murid ditaksir secara berterusan mengikut tahap dan keupayaan mereka serta menggunakan instrumen yang disediakan oleh pihak sekolah.

### **BAHAGIAN C: PELAPORAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH (PBD) YANG MESRA IBU BAPA**

35. **Bagaimanakah cara untuk log masuk ke Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB) Modul Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)?**

Sila layari <https://idme.moe.gov.my/login> -> Klik tab/ menu Aplikasi -> Klik Modul Pengurusan Pentaksiran.

36. **Apakah *browser* terbaik untuk capaian SPPB?**

Paparan terbaik menggunakan pelayar Google Chrome dan Microsoft Edge dengan resolusi skrin 1366 x 768. (Windows updated).

37. **Apakah bentuk pelaporan Ujian Akhir Sesi Akademik mulai 2024/2025?**

Pencapaian murid bagi setiap mata pelajaran dalam ujian akhir sesi akademik akan dilaporkan dalam bentuk peratus dan gred. Guru memasukkan skor peratus dan sistem akan memaparkan peratus dan gred.

38. **Adakah Kementerian Pendidikan menyediakan instrumen bagi semua mata pelajaran untuk Ujian Akhir Sesi Akademik 2024/2025?**

Tidak. Mulai sesi akademik 2024/2025, instrumen Ujian Akhir Sesi Akademik bagi semua mata pelajaran disediakan oleh pihak sekolah.

39. **Adakah Kementerian Pendidikan menyediakan format instrumen bagi semua mata pelajaran untuk Ujian Akhir Sesi Akademik 2024/2025?**

Kementerian Pendidikan hanya menyediakan format instrumen bagi 7 mata pelajaran bagi Sekolah Rendah dan 20 mata pelajaran bagi Sekolah Menengah. Senarai mata pelajaran tersebut boleh dirujuk di bahagian Lampiran.

40. **Apakah panduan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan kepada pihak sekolah dalam menyediakan instrumen Ujian Akhir Sesi Akademik?**

Kementerian Pendidikan menyediakan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) piawai bagi 7 mata pelajaran bagi Sekolah Rendah dan 20 mata pelajaran bagi Sekolah Menengah sebagai panduan. Kementerian Pendidikan juga membekalkan dokumen panduan

pembinaan instrumen bagi memastikan pihak sekolah menyediakan instrumen yang berkualiti.

41. **Bagaimana pihak sekolah memastikan penetapan peratus Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam instrumen Ujian Akhir Sesi Akademik?**

JSU piawai yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan menetapkan dan mengawal peratus KBAT pada 50% dan aras kesukaran dengan nisbah 5:3:2 dalam instrumen.

42. **Adakah skor mentah bagi semua mata pelajaran dalam Ujian Akhir Sesi Akademik adalah 100?**

Tidak. Skor mentah Ujian Akhir Sesi Akademik bagi instrumen yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan adalah berdasarkan kepada Format Pentaksiran dan Pelaporan Sekolah Rendah Bagi Ujian Akhir Sesi Akademik serta Format Pentaksiran dan Pelaporan Sekolah Menengah Bagi Ujian Akhir Sesi Akademik yang telah dimuat naik ke portal Lembaga Peperiksaan. Skor mentah bagi instrumen yang disediakan oleh sekolah selain daripada mata pelajaran seperti di Lampiran pula adalah 100.

## **BAHAGIAN D: PENATARAN DOKUMEN PENJAJARAN KSSR (SEMAKAN 2017) EDISI 3**

43. **Bagaimana guru boleh mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan Intervensi Kurikulum KPM berkaitan Penataran Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3?**

Maklumat berkaitan Intervensi Kurikulum KPM berkaitan Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 boleh diperolehi melalui rakaman video sesi webinar di pautan *YouTube* EduwebTV KPM.



<https://bit.ly/PenjKurikulum3>

44. **Siapakah kumpulan utama Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang perlu mengetahui dan memahami Intervensi Kurikulum KPM berkaitan Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3?**

- i) Guru-guru yang mengajar Mata Pelajaran Sains dan Matematik Tahap 1 termasuk Ketua Panitia Sains dan Matematik serta guru pemulihan;
- ii) Guru Besar;
- iii) SISC+ (Sains/Matematik);
- iv) SIPartners+;
- v) Pensyarah IPG Kampus (mata pelajaran Sains dan Matematik);
- vi) Guru Praperkhidmatan di IPG Kampus (opsyen Sains dan

- Matematik);dan
- vii) Pegawai-pegawai di Sektor Pembelajaran/ Unit Sains dan Matematik di JPN dan PPD.

45. **Apakah aktiviti/program yang boleh dilaksanakan di peringkat sekolah dan PPD bagi membugar Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3?**

- i) Sesi webinar;
- ii) *Coaching and Mentoring*;
- iii) Sesi Dialog;
- iv) Bengkel Kerja;
- v) Latihan Dalam Perkhidmatan; dan
- vi) *Professional Learning Community (PLC)*

46. **Adakah PPP layak mendapat jam latihan setelah mengikuti sesi penataran lanjutan Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 melalui tontonan rakaman video sesi webinar di pautan *YouTube* EduwebTV KPM dan melalui aktiviti lain seperti PLC dan bengkel kerja?**

Ya. PPP yang telah mengikuti sesi penataran lanjutan Dokumen Penjajaran KSSR (Semakan 2017) Edisi 3 melalui tontonan rakaman video sesi webinar di pautan *YouTube* EduwebTV KPM dan aktiviti lain boleh merekodkan sesi berkenaan di dalam Sistem Pengurusan Latihan KPM (SPLKPM) secara individu atau direkodkan oleh pihak penganjur.

## LAMPIRAN

### SENARAI MATA PELAJARAN

### SEKOLAH RENDAH DAN PERINGKAT MENENGAH RENDAH

BIL	SEKOLAH RENDAH	BIL	PERINGKAT MENENGAH RENDAH
1	Bahasa Melayu	1	Bahasa Melayu
2	Bahasa Inggeris	2	Bahasa Inggeris
3	Matematik	3	Sejarah
4	Sains	4	Geografi
5	Sejarah	5	Bahasa Arab
6	*Bahasa Cina (SJKC)	6	Bahasa Cina
7	*Bahasa Tamil (SJKT)	7	Bahasa Tamil
<i>* Mulai sesi akademik 2023/2024</i>		8	Bahasa Iban
		9	Bahasa Kadazandusun
		10	Bahasa Semai
		11	Pendidikan Islam
		12	Matematik
		13	Sains
		14	Asas Sains Komputer
		15	Reka Bentuk dan Teknologi
		16	Al-Syariah
		17	Usul ad-Din
		18	Lughatul Al-Arabiah Al-Mua'sirah
		19	Maharat Al-Quran

- TAMAT -